



**Memahat Gemilang
Membingkas Kelangsungan
al-Falah**

NARATIF NAIB CANSELOR | 2023

YBHG. DATO' PROFESOR DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN



NARATIF NAIB CANSELOR | 2023

YBHG. DATO' PROFESOR DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

15 FEBRUARI 2023

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2023
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Rupa Taip: Century Gothic
Saiz Teks: 10/15

Konsep Reka Bentuk & Reka Letak
Arafat Mashhuri Awang
Jamak Aton Habi Mahmood
Muhammad Solehin Hassan

Dicetak oleh
Firdaus Press Sdn. Bhd.
Taman 26 & 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-9769 8851/8429
Faks: 03-9769 3623
E-mel: penerbit@upm.edu.my
Laman web: <https://penerbit.upm.edu.my>





“ Harapan kita,
2023 dapat dijalani dengan
semangat yang lebih cekal
dalam mendepani
cabaran ekonomi global
yang tidak menentu. ”

**YBHG. DATO' PROFESOR
DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN**





KANDUNGAN

Mukadimah	7
IKHTIAR 1 MEMPERTEGUH SUMBANGAN DALAM PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	17
IKHTIAR 2 MENJAJARKAN PENYELIDIKAN DAN JARINGAN KE ARAH INOVASI SOSIAL	21
IKHTIAR 3 MENJULANG PEMERKASAAN MAHASISWA	23
IKHTIAR 4 MEMPERKEMAS STRATEGI HIJAU DAN TADBIR URUS YANG BAIK	26
IKHTIAR 5 MEMPERHEBAT PENDIGITALAN KAMPUS	30
IKHTIAR 6 MENGUPAYA PENJANAAN PENDAPATAN	33
IKHTIAR 7 MENYATU KEKUATAN ALUMNI	37
Penutup	39

Misi / Visi / Matlamat Pendidikan / Nilai Teras

VISI

Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa

MISI

Memberi Sumbangan Bermakna kepada Pembentukan Kemakmuran dan Pembangunan Negara serta Kesejahteraan Manusia Sejagat Menerusi Penerokaan dan Penyebaran Ilmu

MATLAMAT PENDIDIKAN

Melahirkan Graduan Bitara yang Holistik, Ihsan, Patriotisme dan Berdaya Tahan

NILAI TERAS

Ihsan, Kepelbagaian dan Kelestarian

MATLAMAT 1

Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan
Mendepani Cabaran Mendatang

MATLAMAT 3

Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat

MATLAMAT 2

Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang
Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari

MATLAMAT 4

Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan
Sekuriti Makanan

MATLAMAT 5

Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan
Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau

Mukadimah

MEMAHAT GEMILANG, MEMBINGKAS KELANGSUNGAN AL-FALAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT pentadbir seluruh alam, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.

Pertamanya, saya menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama hadir ke majlis Naratif Naib Canselor 2023 pada pagi Rabu yang penuh barakah dan keceriaan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Universiti Putra Malaysia (UPM) sama ada pegawai akademik, pegawai kumpulan profesional dan pengurusan, kumpulan pelaksana, para pelajar, ketua-ketua komuniti dan para jemputan yang berkesempatan untuk mengikuti naratif pada hari ini, baik di dalam dewan ini mahupun di pusat tanggungjawab masing-masing.



Pada kesempatan ini, saya dengan penuh takzim mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UPM yang baharu ke majlis pagi ini. Saya mewakili warga UPM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan YBhg. Dato' oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi. Selamat datang ke UPM, kampus hijau nan permai. Kami penuh yakin dan percaya bahawa dengan kepemimpinan dan pengalaman Dato' miliki, mampu melonjakkan lagi kecemerlangan UPM ke tahap yang lebih tinggi. Insya-Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN TERHADAP UPM

Seperti tahun-tahun sebelum ini, 2023 adalah tahun yang sangat mencabar yang menuntut kita bingkas bagi memperteguhkan kedudukan menara ilmu ini bagi memastikan agar UPM terus dipercayai dan diyakini oleh masyarakat dan pihak berkepentingan lain dalam melagang fungsinya sebagai sebuah institusi keilmuan. Hal ini seiring dengan nada tegas YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, semasa Perutusan Tahun Baharu 2023 yang disampaikan oleh beliau bulan lalu, bahawa kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada sistem pendidikan tinggi negara perlu dikembalikan.

Menginsafi perkara ini, kita perlu berganding bahu, bersetia janji dan berikrar untuk teguh bersama bagi

memastikan UPM sentiasa mendukung visi, misi dan matlamat penubuhannya. Hal ini untuk memastikan agar asas kekuatan UPM dapat diserlahkan demi pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Hanya melalui cara ini, masyarakat dapat terus memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada UPM bahawa institusi ilmu ini benar-benar menggalas amanah negara dengan sebaik-baiknya.

Selari dengan nic dan bidang tujahan universiti, UPM akan terus memacu kecemerlangan bidang pertanian dan keterjaminan makanan untuk membantu kerajaan menangani krisis ketidakcukupan makanan negara. Malah bidang ini, menjadi fokus utama negara termasuk Bajet 2023 yang bakal dibentang oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Parlimen pada 24 Februari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

PENCAPAIAN UPM TAHUN 2022

Tahun 2022 telah berlalu meninggalkan kita dengan pelbagai rona, kisah dan cerita. Meskipun tahun lalu kita masih terkesan dengan impak penularan COVID-19, sambil kita melangkah ke fasa endemik, Alhamdulillah, UPM dapat terus mara dengan pelbagai pencapaian sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sudah tentu, sebagai sebuah universiti yang mengangkat pertanian dan keterjaminan makanan sebagai wasilah, banyak pencapaian dan sumbangan UPM yang telah diraih sepanjang tahun lalu.

Dalam hal ini, **UPM meneruskan peranan pentingnya dalam pembangunan sekuriti makanan negara dengan penghasilan produk komersial hasil penyelidikan UPM seperti Padi UPutra, FS FEED, TROPICARP- Red Mahseer Feed Formulation, dan Modification of Starch (Sago Prebiotic).** Variasi baharu Padi UPutra yang rintang penyakit karah dapat membantu petani mengatasi masalah penurunan hasil akibat serangan penyakit utama padi ini. Kos pengeluaran padi melibatkan penggunaan racun kulat secara langsung dapat diminimumkan dan berhasil meningkatkan pendapatan para petani, malah turut membantu memelihara alam sekitar yang diamanahkan kepada kita untuk dilestarikan.



Ikhtisar pertanian dan keterjaminan makanan ini turut dijayakan oleh UPM Kampus Bintulu. Hal ini dapat dilihat melalui Projek Transformasi Padi, iaitu AgriHub@Gedong untuk meningkatkan produktiviti padi daripada dua (2) tan per hektar kepada 10 tan per hektar, iaitu lima (5) tuaian setiap dua (2) tahun dengan menggunakan teknologi perapi tanah dan pertanian pintar. Projek dengan dana penyelidikan sebanyak RM3 juta ini, diharapkan dapat membantu negeri Sarawak menjadi pengeluar makanan dengan bantuan hasil penyelidikan UPM. Syabas UPM Kampus Bintulu.

Pada 2022 juga menyaksikan sebanyak 66 geran industri diterima oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dengan dana peruntukan yang diluluskan berjumlah RM8.7 juta. Geran ini adalah bagi membiayai projek penyelidikan strategik yang berimpak untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak industri. Ini sekali gus menampilkan keterlihatan UPM dalam menjalin hubungan sinergi dengan industri bagi manfaat bersama.

Sebanyak 180 projek atau 7% daripada 2,729 projek industri dan komuniti berimpak yang telah direkodkan sebagai projek berimpak tinggi pada tahun 2022. Sebanyak dua (2) Projek Kebun Komuniti di bawah khidmat nasihat Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan UPM berjaya menggondol hadiah Anugerah Kejiranan Hijau bagi tahun 2022 iaitu Kebun Komuniti Garden 8 di Taman Perwira Gombak yang memenangi tempat pertama Kategori Perumahan





Bertanah, Anugerah Khas Menteri KPKT 2022. Manakala satu lagi Projek Kebun Komuniti, iaitu Kebun Komuniti Taman Seri Sedili, Klang telah memenangi tempat kedua Kategori Komuniti Perumahan Bertanah (Kebun Organik).

Sebagai pihak berkepentingan terbesar di kampus, kejayaan mahasiswa dalam konteks kebolehpasaran adalah penting bagi universiti dan ibu bapa. Tahun 2022 merakamkan kadar kebolehpasaran graduan UPM mencatatkan peningkatan 95.4% berbanding 93.5% pada tahun 2021. Dalam pada itu, seramai 2,273 graduan (70.1%) yang telah mendapat pekerjaan mengikut bidang yang dipelajari. Syabas dan tahniah diucapkan kepada graduan UPM yang merupakan duta dan alumni untuk kembali menyumbang kepada alma mater.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pengurusan universiti dan warga UPM, atas kejayaan UPM berada di tangga ke-123 dalam penarafan QS World University Ranking 2023. Kejayaan ini merupakan lonjakan 243 anak tangga yang amat bermakna, jika dibandingkan kedudukan UPM pada tangga 376 pada tahun 2015. Syabas dan tahniah juga diucapkan atas pencapaian berada pada kedudukan ke-27 terbaik di Asia dan yang kedua terbaik di Malaysia melalui penarafan QS Asia University Rankings 2023. **Walau bagaimanapun, ranking bukanlah gambaran sebenar pencapaian universiti. Ini kerana kecemerlangan UPM perlu memenuhi visi, misi dan matlamat penubuhan dan mestilah dikongsi untuk pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat secara tuntas.**

UPM terus mengekalkan reputasi sebagai universiti paling lestari di negara bagi tempoh 13 tahun berturut-turut. UPM telah berada pada kedudukan terbaik di Malaysia dan ke-25 ranking terbaik dunia dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2022. Suka saya maklumkan bahawa UPM merupakan universiti awam terbesar yang memiliki sistem solar fotovoltaiik dengan kapasiti 16.18 Megawatt Peak. Kejayaan ini berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitarnya. Justeru, UPM yang turut dikenali sebagai Kampus Hijau adalah cerminan kecaknaan kita dengan melakukan tata kelola yang sewajarnya bagi pengurusan alam sekitar yang lestari.

Di samping itu, kebitaraan ahli akademik UPM telah mendapat pengiktirafan apabila Yang Berbahagia Profesor Datin Paduka Dr. Khatijah Mohamad Yusoff dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul telah dianugerahkan **Tokoh Akademik Negara sempena Anugerah Akademik Negara (AAN) ke-14 pada 24 Mac 2022 yang lalu.**

UPM sentiasa mahu mengekalkan kedudukannya sebagai universiti bereputasi antarabangsa. **Tahun lalu, Sekolah Perniagaan Ekonomi (SPE) telah menerima akreditasi EFMD Quality Improvement System (EQUIS) bagi tempoh 3 tahun daripada European Foundation for Management Development.** Akreditasi EQUIS membawa nilai tambah yang berharga kepada akreditasi AACSB yang sedia ada seterusnya mengukuhkan kedudukan UPM sebagai institusi pendidikan perniagaan terkemuka di Malaysia






dan di peringkat global. **Akreditasi EQUIS kepada UPM merupakan yang pertama di Malaysia, negara ke-3 di Asia Tenggara dan ke-10 di Asia meletakkan UPM sebaris dengan Universiti ternama dunia.**

UPM juga turut membuktikan keunggulannya dalam sukan apabila buat kali ketiganya meraih **juara keseluruhan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi 2022 dengan meraih 38 emas, 19 perak dan 20 gangsa. Selain itu, UPM juga telah menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Kali ke-44 Tahun 2022.** Lebih manis lagi, buat julung kalinya UPM muncul sebagai juara keseluruhan pada temasya sukan tersebut. Tahniah diucapkan kepada semua atlet dan warga UPM atas kejayaan yang membanggakan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

MEMAHAT GEMILANG, MEMBINGKAS KELANGSUNGAN AL-FALAH

Naratif Naib Canselor kali ini adalah naratif kali ketiga saya sampaikan sejak dilantik menerajui UPM pada 2020. Sudah tentu, naratif ini adalah kesinambungan daripada dua (2) naratif sebelum ini yang menekankan peri pentingnya UPM sebagai sebuah Menara Ilmu dengan memberi penghayatan kepada konsep al-Falah, iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Bersandarkan Pelan Strategik UPM 2021-2025, naratif ini merencana pelbagai usaha melalui lima (5) matlamat utamanya bagi memastikan UPM memenuhi visi dan misi tanpa gagal.



“Perutusan
Tahun
Baharu 2023,
bertemakan
“Pendidikan
Tinggi:
Harapan dan
Masa Depan””

Naratif kali ini juga sudah tentu bertitik-tolak daripada visi dan kerangka dasar Malaysia Madani yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Pada masa yang sama, ia juga mengambil *ibrah* atau pengajaran daripada Perutusan Tahun Baharu 2023, bertemakan “Pendidikan Tinggi: Harapan dan Masa Depan”, yang telah disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi. Kedua-dua dokumen tersebut teradun dalam naratif kali ini yang akan mendasari hala tuju dan perjalanan UPM dalam mengharungi tahun 2023 dengan keyakinan yang tinggi dan kesiapsiagaan yang jitu. Insya-Allah.

“Memahat Gemilang, Membingkas Kelangsungan al-Falah”, sebagai tema naratif kali ini, adalah iltizam saya untuk membawa UPM lebih gemilang dengan menilai pencapaian 2021 dan 2022 sebagai neraca timbang. Dalam tempoh tersebut, banyak kejayaan dan kecemerlangan diperoleh hasil kesepaduan hasrat dan kerja keras yang dilakukan dengan sederhana melangkah menuju kejayaan. Namun demikian, saya percaya masih ada ruang usaha pemantapan strategi dan pelaksanaan dilakukan bagi menjadikan

UPM sebuah menara ilmu yang menawarkan kepakaran untuk kemaslahatan masyarakat terus diyakini. Di bahu kita bersama, tergalas amanah, terpikul tanggungjawab, terkandung harapan untuk meneruskan segala yang direncana agar dapat dilaksana dengan jaya. Kejayaan dan kecemerlangan yang telah dicapai sebelum ini, kita jadikan sebagai batu loncatan dan pemangkin untuk kita lebih berdaya saing serta menggunakan kebolehan serta potensi yang dimiliki oleh setiap warga UPM tanpa mengira siapa dan kedudukannya. Kita raikan atas semangat kekeluargaan dan keyakinan bahawa setiap warga UPM berperanan menggalas amanah untuk mencemerlangkan UPM.

“ Di bahu kita bersama, tergalas amanah, terpikul tanggungjawab, terkandung harapan untuk meneruskan segala yang direncana agar dapat dilaksana dengan jaya. ”

Kata Tenas Effendi dalam buku *Tunjuk Ajar Melayu*

“Apa tanda orang bersaudara
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni
Ke hilir sama berkayuh
Ke hulu sama bergalah
Ke atas sama tinggi
Ke bawah sama rendah
Ke langit sama berpucuk
Ke bumi sama berakar...”

Cabaran 2023 bakal kita lalui lebih getir yang menuntut kesiapsiagaan setiap warga UPM dengan memberikan kualiti dan nilai peribadi secara mandiri bagi bersama-sama melakar kecemerlangan buat UPM yang kita sayangi. Kita perlu berpadu tenaga, menyaring idea dalam melaksana segala yang terpeta, mengikut aturan yang ditetapkan bagi mencapai kecemerlangan. Pada masa yang sama, perlu berusaha bersungguh-sungguh dengan memanfaatkan segala potensi yang ada serta mengambil ruang dan peluang yang tersedia. Ini dilakukan menerusi penerokaan ilmu bagi kesinambungan kejayaan di dunia dan di akhirat yang didambakan. Justeru, naratif kali ini saya terus menawarkan pelbagai ikhtiar bagi kelangsungan kecemerlangan UPM sejajar dengan amanah yang diberikan kepada kita. Masa berlalu sangat pantas dan banyak lagi perkara yang menuntut usaha keras kita untuk mencapai nikmat kejayaan bagi memperoleh keredhaan dari-Nya.

“ Justeru, naratif kali ini saya terus menawarkan pelbagai ikhtiar bagi kelangsungan kecemerlangan UPM sejajar dengan amanah yang diberikan kepada kita ”

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Jika Naratif Naib Canselor yang lalu, saya zahirkan lima (5) strategi dan 11 aspirasi, **Naratif Naib Canselor kali ini, saya tawarkan 7 ikhtiar bagi saya mengemudi bahtera UPM untuk sampai ke destinasiya.**

IKHTIAR 1

MEMPERTEGUH SUMBANGAN DALAM PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

IKHTIAR 2

MENJAJARKAN PENYELIDIKAN DAN JARINGAN KE ARAH INOVASI SOSIAL

IKHTIAR 3

MENJULANG PEMERKASAAN MAHASISWA

IKHTIAR 4

MEMPERKEMAS STRATEGI HIJAU DAN TADBIR URUS YANG BAIK

IKHTIAR 5

MEMPERHEBAT PENDIGITALAN KAMPUS

IKHTIAR 6

MENGUPAYA PENJANAAN PENDAPATAN

IKHTIAR 7

MENYATU KEKUATAN ALUMNI

Tuan-tuan dan Puan-puan,

IKHTIAR 1

MEMPERTEGUH SUMBANGAN DALAM PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Peranan UPM dalam memperteguh sumbangan dalam pertanian dan keterjaminan makanan semakin penting bagi mengatasi krisis ketidakcukupan makanan. **Di UPM, 42% daripada semua program akademik yang ditawarkan adalah program berkaitan pertanian. Ia meliputi 31 program sarjana muda, 14 program master (kerja kursus) dan 194 bidang pengajian pasca siswazah.**

Seiring dengan perkembangan teknologi dan integrasi sistem digital, UPM mahu terus menerajui pertanian berteknologi tinggi atau pertanian pintar. Dalam hal ini, UPM telah mula menawarkan Program Bachelo**r Teknologi Pertanian Pintar** mulai Semester Pertama, Sesi 2022/2023, dengan pengambilan pertama seramai **20 orang pelajar**. Program ini dijangka dapat melahirkan teknologis pertanian berpengetahuan dan kompeten untuk mengendalikan teknologi pertanian pintar yang lestari, serta seterusnya dapat membangun dan mengurus pengeluaran pertanian berasaskan sistem pertanian pintar.



Selain itu, penyelidik UPM dari Fakulti Pertanian telah bergerak aktif dalam melaksanakan pemasangan Sensor IoT tanaman tomato cheri menggunakan kaedah fertigasi dengan kerjasama penyelidikan bersama MSD Innovation Sdn Bhd. Usaha menyediakan model pertanian berteknologi IoT juga sedang dipergiatkan dan menyasarkan penggunaan model Smart Greenhouse dan Smart Akuakultur dengan pendanaan daripada Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) dapat dilaksanakan segera. Model bagi Smart Greenhouse dan Smart Akuakultur dapat meningkatkan keberkesanan dalam penghasilan produk pertanian sekali gus menjadi model rujukan bagi pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar.

UPM akan terus mempergiat pertanian berasaskan kajian penyelidikan, misalnya melalui teknologi PadiU Putra. Teknologi ini dapat meningkatkan 30% hasil padi semasa sekali gus dan memastikan sekuriti dan kedaulatan makanan negara terjamin. Beberapa produk komersial yang sedang diusahakan dijangka dapat dimuktamadkan pada 2023 seperti produk FS-FEED. Produk ini merupakan produk rumusan makanan mikrodiet yang dapat memberi jaminan kepada keselamatan makanan hidupan akuakultur yang akan memberi manfaat kepada penternak dan pembiak larva ikan dan udang. Produk ini dijangka akan mula dipasarkan pada 2023. Selain itu, dua (2) produk komersial yang akan turut dikomersialkan pada 2023 adalah produk TropiCarp™ iaitu teknologi yang





dibangun untuk mempertingkatkan tumbesaran ikan dan produk *Modification of Starch* (Sago Prebiotic).

Kita percaya bagi memperkukuh lagi keupayaan UPM dalam pertanian dan keterjaminan makanan, pendekatan merentas disiplin ilmu sangatlah penting. Sayugia diingatkan, pertanian bukan lagi hanya berkisar tentang penanaman, penternakan mahupun perikanan. Akan tetapi, ia juga melibatkan bidang dan kluster ilmu lain seperti sains, matematik, pemasaran, perniagaan, kemanusiaan dan sebagainya. Justeru, saya menyeru kepada semua PTJ di UPM agar terus merencanakan keserakanan dan menyatu kekuatan kita dalam memacu melonjakkan sumbangan UPM dalam pertanian dan keterjaminan makanan.

“ Saranan YB. Menteri semasa lawatan ke UPM bulan lalu agar kita memberi perhatian kepada nilai tambah produk yang dihasilkan untuk industri *spin-off* yang lumayan dan menguntungkan negara hendaklah diberikan perhatian serius ”



Bagi memastikan agenda pertanian adalah perniagaan tercapai, universiti juga tidak boleh hanya menekankan kepada pengeluaran penanaman, penternakan mahupun perikanan. **Saranan YB Menteri semasa lawatan ke UPM bulan lalu agar kita memberi perhatian kepada nilai tambah produk yang dihasilkan untuk industri *spin-off* yang lumayan dan menguntungkan negara hendaklah diberikan perhatian serius.** Dalam hal ini, penyelidik UPM melalui syarikat pemula ada menghasilkan produk melalui Astera Food Sdn. Bhd. menerusi Projek Cosmos yang merupakan produk berasaskan Ulam Raja seperti teh, ais krim, kapsul dan perisa yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan sebagai makanan fungsian; serta

AgroPV Integrated Sdn. Bhd. menerusi Produk MiKu Caffe iaitu kopi Misai Kucing yang kini telah berada di pasaran. Kita perlu perbanyakkan produk sebegini bagi memastikan mantra pertanian suatu perniagaan benar-benar direalisasikan.

Agenda pertanian mestilah bersifat inklusif dan dijayakan oleh semua pihak berkepentingan, lebih-lebih lagi mahasiswa sebagai kumpulan terbesar di universiti. Dalam hal ini, kolej-kolej kediaman UPM perlu melipatgandakan usaha untuk memperkasa kelestarian pertanian dan keterjaminan makanan dengan melakukan kolaborasi berimpak tinggi bersama Pusat Pertanian Putra dan entiti-entiti lain berkaitan pertanian dalam UPM termasuk alumni UPM yang berjaya dalam bidang ini. Rancangan Pertanian Putra (RPP) perlu diteruskan dan kebolehlaksanaan program RPP ini perlu inisiatif yang tinggi melalui pembangunan projek di Unit Agroteknologi, Pusat Pertanian Putra.

Selain memberi tumpuan kepada mahasiswa, UPM sentiasa bersama masyarakat di luar dalam menjayakan agenda pertanian. Justeru, sesi latihan PUTRA-PERHEBAT disasar akan dilaksanakan pada Mac 2023. Bertepatan dengan moto **BERILMU BERBAKTI**, khidmat latihan yang disediakan kepada bakal pesara tentera, menjadi medan transformasi pembentukan bakat pertanian dari keselamatan ketenteraan kepada pencapaian matlamat keterjaminan dan keselamatan makanan.



Tuan-tuan dan Puan-puan,

IKHTIAR 2

MENJAJARKAN PENYELIDIKAN DAN JARINGAN KE ARAH INOVASI SOSIAL

Sebagai sebuah universiti penyelidikan yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat, pendekatan kita mestilah tepat dalam menentu arah dan hala tuju penyelidikan universiti yang lebih bermakna. Penyelidikan yang kita lakukan bukanlah untuk mendapat sanjungan dan pengiktirafan, sebaliknya untuk memenuhi keperluan dan aspirasi nasional. Pada kesempatan ini, saya ingin mengulangi semula saranan YB Menteri Pendidikan Tinggi mengenai asas dan prinsip utama dalam penyelidikan di universiti.

Pertama, bidang dan disiplin penerokaan ilmu tidak dibeza-bezakan dan dibuat pengkelasan kepentingan. Semua bidang mempunyai kepentingan yang sama. **Kedua**, penekanan kepada kaedah pembiayaan sesuatu penyelidikan dan inovasi dengan wujudnya pelbagai kerjasama dan persefahaman strategik universiti dengan pihak luar. **Ketiga**, penyelidikan di universiti mesti mengambil dua (2) pendekatan penting iaitu kepelbagaian disiplin dan berpandangan jauh. **Keempat**, penyelidikan yang dilaksanakan di universiti mestilah berlandaskan sifat tanggungjawab dan berakuntabiliti. **Kelima**, penyelidikan mestilah menjadi sumber pendapatan universiti yang utama.

Penghasilan penyelidikan mestilah bermanfaat dan dikomersialkan demi kemandirian universiti di samping membumikan hasil penyelidikan untuk masalah masyarakat. **Saya berharap semua penyelidik UPM dapat berpegang dengan saranan ini dan terus memacu kecemerlangan penyelidikan untuk memenuhi aspirasi nasional.**

UPM mempunyai begitu banyak hasil penyelidikan dan ia tidak seharusnya terhenti dalam penerbitan jurnal dan laporan. Kita perlu berperanan mewujudkan program yang kuat dan kukuh kepada masyarakat melalui program keusahawanan sosial dan inovasi sosial. **Dalam hal ini, kita boleh belajar daripada Yang Berbahagia Dato' Pengerusi LPU, bagaimana beliau telah berjaya mengusahakan sebuah inovasi sosial**

melalui projek Geopark di Langkawi hasil daripada kajian penyelidikan mutidisiplin yang dilakukan. Projek Geopark Langkawi ini boleh menjadi penanda aras inovasi sosial UPM yang kita perlu gerakan secepat mungkin.

Dalam menggerakkan inovasi sosial, ia perlu dilaksana dalam semangat keserakanan. Bagi usaha memantapkan jaringan antara universiti di kepulauan Borneo, UPMKB mengambil inisiatif untuk menubuhkan Konsortium Universiti Universitas Borneo (KUUB) yang melibatkan universiti-universiti antara tiga (3) buah negara di Borneo iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei yang akan diterajui oleh UPMKB. Sebanyak 16 universiti awam dan milik kerajaan telah dikenal pasti untuk menganggotai inisiatif KUUB ini. Hasrat



penubuhan KUUB adalah sebagai salah satu usaha rangkaian kerjasama yang dapat memantapkan taraf pendidikan di kepulauan Borneo sekaligus menjadikan ketiga-tiga negara ini sebagai destinasi pendidikan tinggi terulung di rantau Asia.

Bagi menterjemahkan inovasi ilmu, selain penerbitan jurnal terindeks, UPM juga akan terus memberi fokus kepada penerbitan buku ilmiah. Dalam hal ini, Pusat Penerbit UPM telah menyasarkan kenaikan 20% atau 88 penerbitan buku ilmiah bagi tahun 2023. UPM amat menggalakkan ahli akademik menerbitkan buku karya asli mahupun suntingan melalui Penerbit UPM dalam usaha memperkukuh lagi kesarjanaan mereka di samping sebagai medium penyebaran ilmu.

IKHTIAR 3

MENJULANG PEMERKASAAN MAHASISWA

Mahasiswa sekarang bukan seperti mahasiswa dahulu. Mahasiswa kini mahu mandiri dan boleh membuat keputusan sendiri. **UPM sememangnya menjunjung usaha ke arah pemerksaan mahasiswa dengan memberikan mereka lebih banyak kepercayaan, tanggungjawab dan amanah.** Ini seiring dengan Azam ke-11, iaitu Pemerksaan Mahasiawa dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi.

Pada tahun 2023, inisiatif pemerksaan akan diperluaskan dengan memberi **Autonomi Pengurusan Kewangan Aktiviti Pelajar** secara berperingkat. Dalam hal ini, MPP akan diberikan kuasa serta bimbingan





dalam pengurusan aktiviti persatuan atau kelab, iaitu **semua proses kelulusan aktiviti dan permohonan peruntukan kewangan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa pada peringkat MPP**. Untuk merealisasikan pelaksanaan autonomi ini, sesi libat urus dengan barisan kepimpinan pelajar mestilah dilaksana dengan lebih berkesan.

Bagi terus meraikan pemerksaan mahasiswa, mungkin dalam masa terdekat, kita boleh melihat MPP dan kumpulan mahasiswa dapat menjayakan penganjuran majlis berprestij di universiti, antaranya Pesta Konvokesyen tanpa penglibatan staf seperti biasa dilakukan.

Selain itu, UPM juga akan **menambahbaik perkhidmatan kebajikan pelajar** dengan memberi tumpuan kepada pelajar dalam kategori B40 dan asnaf. Berdasarkan rekod, didapati hampir 60% pelajar UPM tergolong dalam kategori B40. Sehubungan dengan itu, entiti HEPA perlu meningkatkan usaha dan meluaskan inisiatif berkaitan kebajikan pelajar di dalam dan luar kampus, seperti bantuan kewangan, tabung kebajikan dan perlindungan pelajar serta perkhidmatan bank makanan. Selain daripada itu, inisiatif **Putra Cakna** yang merupakan sebahagian daripada usaha kita juga banyak membantu mereka yang memerlukan.

Bagi meneruskan kelangsungan al-Falah untuk melahirkan pelajar sebagai sosok warganegara yang baik, UPM akan terus memperkasa pendidikan politik melalui pendekatan nilai bersama, meskipun Pilihan Raya Umum ke-15 telah pun berlangsung. **Nilai Bersama yang berpandukan nilai teras universiti ini akan dapat 'mengikat' mahasiswa berpolitik secara berhemah dan bertanggungjawab. Usaha ini akan digerakkan oleh Unit Literasi dan Advokasi Politik atau ADVOKASI, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) bersama Fakulti Ekologi Manusia (FEM) dan HEPA.** Pada masa sama, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) sedang membangunkan **Modul Pemahaman dan Amalan Rukun Negara**. Modul ini akan membantu meningkatkan tahap kefahaman dan kesedaran mahasiswa terhadap Rukun Negara sekali gus memperkasa dan melahirkan masyarakat yang harmoni berteraskan lima (5) prinsip Rukun Negara.

Melihat kepada kepentingan *smart skills* dalam melahirkan graduan yang unggul, sebanyak 25 lagi **kursus baharu kursus kokurikulum berkredit (KKB)** akan ditawarkan mulai Semester Pertama, Sesi 2023/2024 kelak. Penawaran kursus ini adalah berdasarkan permintaan para pelajar dan juga setelah mengambil kira keperluan pasaran kerjaya semasa. Antaranya ialah, Pembangunan Sosial Remaja, Seni Taranum al-Quran dan Reka Bentuk Lanskap.

UPM mahukan graduan UPM mempunyai perspektif yang meluas dan berfikir global. Saya percaya pengalaman pengantarabangsaan ini akan memberi peluang untuk pelajar membuka persepsi dan sudut pandang serta meningkatkan kemahiran mereka berkomunikasi dan membentuk jaringan keserakanan. Oleh itu, UPM akan merancang untuk memperkasa aktiviti mobiliti pelajar pada masa hadapan supaya setiap pelajar UPM meraih pengalaman mobiliti luar negara sekurang-kurangnya sekali sepanjang pengajian mereka.



Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada tahun 2023, UPM menyasarkan 90.5% Kebolehpasaran Graduan dengan 8% graduan menceburi bidang perniagaan. Manakala, seramai 130 usahawan siswa pula disasarkan untuk mendaftar perniagaan mereka dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kita dapati mahasiswa UPM sangat cakna dan berminat menceburi bidang perniagaan. Bagi membantu impian mahasiswa ini, UPM melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) mengorak langkah dengan membida beberapa projek keusahawanan dan kebolehpasaran graduan daripada pihak KPT, Kerajaan Negeri Selangor dan kerjasama dengan pihak swasta. UPM memainkan peranan utama dalam menyediakan pelantar maklumat perniagaan, keusahawanan dan kerjaya dalam sektor tertentu ke arah ekonomi digital.

Selain itu, UPM juga memperkasa dan menjenamakan semula Koperasi Siswa UPM Berhad (KOSISWA) dengan pelan perniagaan baharu iaitu Program Inkubator Keusahawanan Siswa. Pelan perniagaan baharu ini menumpukan aktiviti perniagaan berasaskan kehendak generasi masa kini termasuk menjalin jaringan dengan pengasas perniagaan (*business founder*). Usaha UPM memanusiaikan manusia ini juga akan memperkasakan *Student Union* dan pelajar untuk membuka pelbagai ruang pekerjaan sambilan dan sumber pembiayaan kepada aktiviti kemahasiswaan dan juga membangunkan keusahawanan sosial,

seperti yang disarankan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam Perutusan Tahun Baharu 2023.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

IKHTIAR 4

MEMPERKEMAS STRATEGI HIJAU DAN TADBIR URUS YANG BAIK

Perancangan universiti yang strategik mestilah berasaskan data, kajian empirikal dan pembuktian. Sebagai inisiatif untuk menambah baik penggunaan data universiti, kita telah bersetuju untuk mewujudkan Seksyen Data Korporat yang akan bermula operasinya pada tahun ini. Seksyen ini adalah berfungsi untuk melihat data universiti secara holistik dan seterusnya memproses dan melakukan analisis terhadap data yang berskala besar bagi melihat pencapaian trend serta memeta strategi universiti pada masa hadapan. Penggunaan data yang tersedia dan analisis data dapat menghasilkan pembuatan keputusan berasaskan bukti yang dilihat amat perlu dalam menangani cabaran semasa. Kita berharap suatu masa nanti, seksyen ini boleh dinaik taraf sebagai sebuah PTJ yang mandiri dan dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Status UPM sebagai universiti paling lestari di negara mestilah dikekalkan. Dalam hal ini, UPM telah menaik taraf Unit Hijau menjadi Seksyen



Kelestarian dan Kampus Hijau bagi merencanakan komitmen UPM dalam inisiatif kampus hijau dan kelestarian. Pendedahan ke arah budaya matlamat pembangunan mampan (SDGs) dan hijau juga perlu diteruskan agar pelaksanaannya menjadi budaya yang kekal dalam kalangan staf dan pelajar UPM. Untuk pembudayaan ini, Jawatankuasa Induk Kelestarian Kampus Hijau akan digerak sepenuhnya oleh Jawatankuasa Kelestarian di peringkat PTJ.

Selari dengan Dasar Hijau UPM, kita akan terus memperkasakan program kelestarian kampus dalam perkhidmatan dan pengangkutan pelajar.

Dalam hal ini, beberapa inisiatif akan diperkenalkan seperti hari Ahad tanpa bas dalam kampus, larangan penggunaan plastik dan polisterin dalam pembungkusan makanan, penambahbaikan pelaksanaan rebat basikal, penggunaan skuter elektrik dan penggunaan bas yang dikuasakan dengan enjin diesel hijau. Selain itu, UPM akan mempergiatkan kempen penggunaan kenderaan tanpa asap seperti basikal, skuter elektrik dan aktiviti berjalan kaki.

UPM akan terus memperhebat usaha kelestarian hijau melalui penghasilan biokompos. Dalam hal ini, kita telah mula menggerakkan projek kolaborasi antara Institut Kajian Perladangan atau IKP dan PPP melalui usaha menaik taraf Pusat Penghasilan Biokompos dengan teknologi biokompos yang lebih cepat. Pusat Penghasilan Biokompos ini berfungsi bagi memproses bahan buangan ladang serta landskap dan menjadi sumber pendapatan baharu serta penjimatan. Projek

seperti ini juga diharap dapat menyumbang kepada pengendalian pencapaian UPM dalam penarafan UIGreen Matric.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Jaringan dan kolaborasi erat antara UPM melalui Pejabat Pendaftar dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) sentiasa membuahkan hasil. Kepercayaan yang diberikan kepada UPM melalui penyaluran geran penyelidikan Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (Competency-Based Talent Management-CBTM) adalah contoh kerjasama kedua-dua institusi dalam memastikan bakat kebangsaan diperkasakan dari semasa ke semasa.





Bagi menyokong fokus keenam, YB. Menteri Pendidikan Tinggi semasa Majlis Perutusan Tahun Baharu 2023 iaitu memperkukuhkan peranan Malaysia sebagai 'The Lynchpin' untuk menarik kedatangan pelajar, penyelidik dan bakat global, **UPM, telah mengambil langkah awal dengan bersetuju meluluskan penstrukturan dan penjenamaan semula Pusat Pembangunan Akademik (CADE), UPM kepada Pusat Pembangunan Akademik dan Kecemerlangan Kepemimpinan (CADE-Lead).** Pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi meluaskan fungsi CADe dalam memperkasa agenda kepemimpinan institusi melalui takungan bakat dan latihan kepemimpinan pegawai akademik.

Selain itu, CADe, dengan kerjasama Pejabat Pendaftar, RMC, UCTC dan CiRNeT akan terus

memperkukuhkan kekuatan sumber intelektual UPM dengan menyediakan program pemajuan profesional yang komprehensif. Inisiatif ini adalah bagi menyokong matlamat pelan empat (4) laluan kerjaya bagi melestarikan usaha pembangunan bakat secara lebih inklusif dengan mengambil kira kepelbagaian bakat yang ada dalam UPM. Program *townhall* bersama pegawai akademik sedang dilaksana bagi mendapatkan pandangan semua pihak agar usaha ini mengambil kira pandangan semua peringkat dan pihak di UPM sebelum sesuatu dasar atau perubahan dilaksanakan.

Pemeriksaan bakat juga akan dilipatgandakan melalui penambahan pelaburan untuk pemajuan profesional dan keserjanaan para akademik dan pelajar. Untuk itu, UPM juga telah mula melaksanakan

inisiatif **Global Outreach** yang menggalakkan penempatan para pensyarah melalui program Kursi UPM di universiti terkemuka di dunia sama ada secara sangkutan, cuti belajar, pasca kedoktoran, cuti sabatikal dan kepakaran khusus. UPM akan sentiasa berusaha melestarikan bakat dalam UPM.

Dalam memastikan kesejahteraan warga universiti, kita akan terus menjalankan kajian indeks kesejahteraan. Tumpuan tahun 2023 adalah untuk mengambil tindakan terhadap dapatan kajian indeks yang dijalankan pada 2021. Dapatan dan cadangan yang dikutip semasa kajian lepas akan dibincangkan dan diambil tindakan bersama PTJ dan entiti yang berkaitan. Kajian indeks kesejahteraan warga yang seterusnya akan diadakan pada tahun 2024.

Tuan-tuan dan Puan-puan

IKHTIAR 5

MEMPERHEBAT PENDIGITALAN KAMPUS

Untuk memastikan UPM bingkis mengurus pelbagai perubahan dan teknologi dengan menilai kesan dan strategi menggunakan teknologi dalam pengajaran, pembelajaran dan tatakelola akademik dan pengantarabangsaan, pihak universiti telah merancang beberapa inisiatif. Antaranya, melalui pemerkasaan penggunaan ICT dalam penyampaian PdP termasuk menggalakkan pewujudan lebih banyak **Putra Hybrid Classroom** di fakulti bagi memanfaatkan penyampaian kurikulum dan pengajaran





menggunakan *Massive Online Open Courseware* (MOOC) dan *Microcredentials*. Pusat Pembangunan Akademik (**CADE**) dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Sains Pembelajaran Inovatif (**INNOVATE**), yang kini merupakan Pusat Nasional *International Institute of Online Education* (**IIOE**) yang mendapat tajaan sepenuhnya daripada pihak UNESCO-ICHEI akan terus menerajui inisiatif ini dengan kerjasama fakulti dan PTJ lain yang berkaitan seperti IDEC dan Pusat Jaminan Kualiti (CQA).

Pelaksanaan transformasi pendigitalan dalam pengurusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada warga kampus akan dapat

memberikan manfaat kepada seluruh warga universiti termasuk agensi luar yang berkepentingan. Sebanyak lapan (8) sistem aplikasi yang telah berjaya dibangunkan atau dinaiktaraf bagi memenuhi transformasi pendigitalan di mana ia boleh dilakukan 'di hujung jari' berkonsepkan *Any Where, Any Time & Any Device*.

Tahun 2023, UPM akan terus melonjakkan strategi Melagang Kampus Pintar dan Pendigitalan yang telah dirancang selari dengan Pelan Pendigitalan Pendidikan Tinggi KPT sedia ada dengan memfokuskan kepada pendigitalan total dalam aspek pengurusan, pentadbiran dan penyampaian di kampus. **Justeru,**

hari ini saya berbesar hati untuk berkongsi kepada semua warga UPM dengan pelancaran aplikasi Mobile Apps Smart Putra®Q yang telah dibangunkan oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC) dengan pilot projek akan mula dijaya usahakan oleh Pusat Antarabangsa (i-PUTRA). Aplikasi apps ini akan membantu perkhidmatan pelanggan dalam kalangan warga universiti akan menjadi lebih mudah.

Bagi menyokong penyampaian perkhidmatan universiti kepada pelanggan, perkhidmatan capaian internet utama yang mencukupi, stabil dan selamat perlu disediakan. Pada tahun ini, perluasan liputan PutraPremium akan terus diperkasakan dengan menambah bilangan Access Point (AP) PutraPremium di lokasi-lokasi baharu di segmen akademik dan fakulti yang dapat memberi capaian Internet berkelajuan tinggi kepada pelajar (setiap fakulti satu (1) lokasi wi-fi PutraPremium). Kualiti perkhidmatan fasiliti rangkaian ini akan sentiasa dipertingkatkan dengan harapan perkhidmatan ini menjadi antara fasiliti yang terbaik dalam kalangan universiti awam Malaysia menjelang 2025.



Peranan Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) tidak kurang pentingnya dalam mendukung hasrat UPM untuk menjadi sebuah kampus pintar dan pendigitalan. PSAS telah memacu pelbagai inisiatif perpustakaan digital yang memberi pengalaman dan kemahiran yang bermakna kepada pelajar selama mengikuti pengajian di UPM. Sumber maklumat dan perkhidmatan perpustakaan dapat diperoleh dengan cepat pada bila-bila masa dengan menggunakan peranti mudah alih melalui portal Discovery@Lib yang menyediakan akses kepada 600 ribu koleksi digital PSAS. **Beberapa penambahbaikan telah dilakukan termasuk penyediaan ruang fizikal yang kondusif lagi santai, rangkaian wi-fi berkelajuan tinggi, koleksi yang lengkap khususnya dalam bidang pertanian serta pustakawan yang profesional dan berkemahiran.** Ini menjadikan PSAS sebagai tempat pembelajaran pilihan para pelajar.

Selain itu, kemudahan di PSAS wajar dikongsi bersama oleh masyarakat awam khususnya penduduk di sekitar Serdang. **Justeru, PSAS bercadang untuk membuka perkhidmatannya kepada orang awam melalui kolaborasi strategik dengan pihak sekolah yang akan menjadi front-end tanggungjawab sosial universiti.** Usaha ini juga diharap dapat menarik minat orang awam untuk menyumbang dana kepada universiti khususnya bagi pengurusan dan pembangunan perpustakaan.



Tuan-tuan dan Puan-puan

IKHTIAR 6

MENGUPAYA PENJANAAN PENDAPATAN

Agenda penjaanaan pendapatan masih kekal relevan sebagai agenda utama universiti dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan. **Alhamdulillah, berdasarkan laporan penjaanaan pendapatan Universiti Awam yang dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, terdapat peningkatan pencapaian keseluruhan sumber dalaman universiti iaitu sebanyak RM290 juta pada tahun 2020, meningkat ke RM301 juta pada 2021 dan seterusnya sebanyak RM326 juta pada tahun 2022.**

Saya difahamkan, terdapat beberapa PTJ yang sangat aktif dalam menggerakkan aktiviti penjaanaan dengan mengenal pasti sumber aktiviti dan program yang boleh memberi penjaanaan kepada PTJ tersebut. Saya percaya bahawa tugas ini adalah satu cabaran yang berat untuk warga kampus, namun perkara ini (penjaanaan pendapatan) tidak mustahil untuk dicapai. Universiti turut menyokong usaha penjaanaan yang dijalankan oleh PTJ dengan semua pendapatan aktiviti penjaanaan diakaunkan ke dalam Tabung Amanah PTJ masing masing. PTJ boleh menggunakannya untuk menampung keperluan operasi PTJ bagi wujudkan eko-sistem kondusif yang mampu melonjakkan kecemerlangan setiap PTJ.

Usaha universiti memperkenalkan modal awalan atau seed money untuk PTJ melaksanakan aktiviti penjana telah mula mendapat perhatian PTJ. Cara ini bertujuan untuk mengubah mentaliti warga kampus untuk meneroka sumber baharu berbanding dengan budaya meminta peruntukan tambahan untuk membiayai aktiviti PTJ. Sehingga tahun 2022, universiti telah memperuntukkan sebanyak hampir RM5 juta sebagai modal awalan (seed money) kepada PTJ. Dari jumlah ini sebanyak 25% telah mula dibayar semula oleh PTJ secara berperingkat. Syabas dan terima kasih diucapkan kepada PTJ yang konsisten membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan. **Namun, saya berharap PTJ bukan sekadar mampu membayar balik pinjaman ini, tetapi juga membuat keuntungan yang dapat dimanfaatkan oleh semua.**

Selain itu, Pusat Penerbit, UPM turut menyasarkan unjuran penjana pendapatan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM1.5 Juta dengan sasaran RM800,000 ribu bagi aktiviti penjualan buku manakala RM700,000 bagi perkhidmatan lain. Pelbagai perundingan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan mengenai jualan dan pemasaran buku akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 selain daripada penyertaan pameran dan jualan buku dari dalam mahupun luar negara.

Putra Business School atau PBS sebagai institusi swasta yang dimiliki oleh UPM akan terus optimis dalam mempertingkatkan kecemerlangan dalam misi pembangunan perniagaan khususnya berkaitan dengan aktiviti program latihan pembangunan eksekutif. **Sebagai sebuah entiti di bawah UPM, PBS amat berpotensi untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada UPM dalam membantu kelestarian kewangan UPM.** Peningkatan aktiviti penjana pendapatan dalam pelan strategik lima (5) tahun PBS yang dilancarkan baru-baru ini, menyasarkan kepada peningkatan bilangan pelajar siswazah dan peningkatan dalam aktiviti pembangunan perniagaan. Usaha ini juga seiring dengan hasrat untuk pemantapan seterusnya membolehkan PBS dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) saling melengkapi dan membantu antara satu sama lain.





Projek Rumah Cetak Pusat Penerbit UPM dijangka akan beroperasi pada tahun 2023 yang akan menjadi pusat percetakan utama universiti. Sebagai pelanggan utama universiti, golongan pelajar tidak perlu lagi mencetak tesis dengan pencetak luar yang mana ini akan memudahkan lagi urusan mereka. Bagi pihak Pusat Penerbit UPM, hak cipta bagi setiap penerbitan buku dan tesis akan dapat dipelihara. Pada sisi pihak pengarang, Rumah Cetak Pusat Penerbit UPM ini diharap akan dapat memudahkan proses penjualan, selari dengan permintaan buku sekali gus menambah lagi keterlihatan, mengurangkan kos dan membantu penjanaan pendapatan Pusat Penerbit UPM.

UPM adalah satu-satunya universiti yang mempunyai hospital veterinar. Hospital ini sememangnya telah dikenal pasti menjadi salah satu entiti yang boleh menjana pendapatan universiti. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan **cadangan pelaksanaan Pet Hotel di Hospital Veterinar Universiti, Fakulti Perubatan**

Veterinar, UPM. Hospital ini akan dapat mewujudkan pelbagai perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada pelanggan UVH seperti penginapan dan dandanan kucing, menjana pendapatan UVH, mewujudkan subjek bagi kursus kurikulum berkredit kepada mahasiswa UPM, dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi mahasiswa yang ingin melakukan kerja sampingan.

Keupayaan pendanaan UPM juga mampu disokong oleh Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM yang telah berjaya menerima sebanyak **RM1.07 juta** dana wakaf pada tahun 2022 menjadikan jumlah keseluruhan dana wakaf yang terkumpul adalah sebanyak **RM14.3 juta**. Bagi dana endowmen pula, sebanyak **RM1.18 juta** telah diterima pada tahun 2022. Operasi dan aktiviti WAZAN UPM bagi tahun ini terus diperkukuhkan menerusi tema **DiCAKNA** iaitu; *Diversity, innovation, Change, Alert, Knowledge* dan *Awareness*.





Buat pengetahuan semua, UPM mengambil langkah yang sama di bawah konsortium hospital pengajar universiti awam menjenamakan hospital pengajar supaya terus berupaya merancang strategi dan sinergi menjadi hospital yang disegani dan sebaris dengan hospital universiti terbaik dunia. Bagi tujuan itu, Hospital Pengajar akan dijenamakan sebagai **Hospital Sultan Abdul Aziz Shah** yang akan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 28 Februari 2023. Tabung Wakaf dan Tabung Kebajikan Pesakit

akan diteruskan supaya UPM dapat berperanan meningkatkan penyelidikan klinikal secara inklusif, melatih pelajar program perubatan dan master perubatan bagi menghasilkan pakar perubatan yang memberi impak yang bermakna kepada masyarakat global. Justeru, seluruh warga UPM diseru agar dapat bersama-sama menyumbang ke dalam tabung-tabung ini supaya sinergi UPM warganya mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan

IKHTIAR 7 MENYATU KEKUATAN ALUMNI

Selain pelajar, alumni adalah sumber kekuatan yang dapat membantu kepada kelangsungan universiti melalui sumbangan mereka dalam pelbagai bentuk. Pada tahun 2023, **UPM akan mengangkat slogan 'Eratkan Kerjasama Sesama Alumni' sebagai katalis dalam usaha meningkatkan impak hubungan antara alumni, pelajar dan alma mater.** 'Jambatan' kukuh bersama alumni yang diterajui Pusat Perhubungan Alumni akan terus dipelihara melalui usaha untuk berganding bahu dan mendukung citra universiti ke mercu kejayaan. Sebanyak empat (4) program atau projek yang akan dijalankan ialah:

Jubli Emas KPM 73. Program ini yang membawa cerminan kejayaan KPM 72 yang berjaya memberikan sumbangan kewangan bagi manfaat pelajar. Program ini berpotensi membawa impak besar untuk

para pelajar UPM. Penyertaan para alumni yang dianggarkan hampir 100 orang ini bakal membawa satu pengukuhan jalinan, kerjasama dan manfaat alumni kepada alma mater.

Mekar Lebaran UPM Dulu-dulu yang bertitik tolak daripada laman facebook UPM Dulu-dulu telah mengorak satu langkah ke hadapan apabila mengambil peranan dengan mengadakan penajaan penginapan kepada para pelajar asnaf dan B40 di bawah program Rumah Kasih Alumni@BPP. Menerusi program Mekar Lebaran UPM Dulu-dulu, sebanyak RM50,000 bakal disumbangkan iaitu RM30,000 akan disumbangkan kepada bantuan kewangan kepada pelajar dan RM20,000 kepada Rumah Kasih Alumni@BPP.

Inisiatif Projek Little Free Library@PTJ. Objektif pewujudan LFL ini untuk membudayakan amalan membaca dalam kehidupan seharian warga UPM bertepatan dengan Moto UPM 'Berilmu Berbakti', menyuburkan konsep derma, wakaf dan sedekah serta melestarikan hubungan alumni dengan PTJ yang lain dalam bersama-sama menyantuni para pelajar UPM.

Projek Bas Elektrik - Projek bas Elektrik berserta stesen pengecasan yang diterajui oleh Fakulti Kejuruteraan dengan kerjasama Alumni UPM, Encik Mohd Fahmi Mad Ali, ketua pegawai eksekutif Protech Master Coach Sdn. Bhd. (PMC) bertujuan untuk mendalami dan membangunkan teknologi anak tempatan dalam teknologi bas elektrik. Kerjasama sebegini dapat membuka ruang kolaborasi industri dan UPM dalam menghasilkan teknologi terkini.



“ Saya telah menawarkan 7 ikhtiar bagi terus memacu kecemerlangan UPM sebagai menara ilmu yang terus menggalas fungsinya secara signifikan ”



Tuan-tuan dan Puan-puan

PENUTUP

Seiring dengan *tagline* Berilmu, Berbakti, UPM perlu terus memperkukuhkan keterlihatannya melalui media massa. Pada 2022, sejumlah 8,765 hasil penulisan dan komentar warga UPM telah tersiar dalam media cetak, media elektronik dan juga televisyen dalam negara. Jumlah ini memberikan pulangan secara *in-kind* kepada UPM bernilai RM 540,543,262.00 (lima ratus empat puluh juta Ringgit Malaysia). Saya berharap para penyelidik dan ahli akademik kita khususnya dapat terus berkongsi penulisan dan perkongsian kepakaran kepada masyarakat melalui media massa sekali gus mempertingkat keterlihatan UPM sebagai sebuah Menara Ilmu yang dihormati. **Pada hari ini, kita akan mengiktiraf sumbangan mereka dalam menjayakan keterlihatan UPM melalui Anugerah Visibiliti Media. Tahniah kepada penerima anugerah.**

Keterlihatan UPM juga boleh diiljonjakkan melalui aktiviti kesukarelawanan. Sejak beberapa tahun lalu, kita telah memperkemaskan penjenamaan aktiviti ini di bawah Putra Bakti. Dalam usaha merencanakan pendanaan Putra Bakti bagi menampung aktiviti, UPM melalui Jawatankuasa Induk Putra Bakti telah mewujudkan satu tabung kesukarelawan, iaitu Sumbangan Putra Bakti. Tabung ini diwujudkan adalah sebagai salah satu inisiatif untuk memberi peluang kepada warga UPM dan rakyat Malaysia di luar sana untuk turut serta membantu dalam operasi menggerakkan projek

kebajikan dan kemanusiaan. Sumbangan ini boleh dibuat melalui Payment Gateway UPM.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya telah menawarkan tujuh (7) ikhtiar bagi terus memacu kecemerlangan UPM sebagai menara ilmu yang terus menggalas fungsinya secara signifikan. Saya tidak menjanjikan bulan dan bintang, apatah lagi untuk bersikap populis. Akan tetapi, saya berharap ikhtiar ini menjadi ikhtiar kita bersama dalam memahat gemilang, membingkas kelangsungan Al-Falah yang kita dambakan.

Akhirulkalam, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan pelaksanaan Naratif Naib Canselor kali ini, khususnya kepada kumpulan penulis yang membantu saya menyediakan naratif kali ini. Terima kasih juga kepada semua warga UPM yang telah sama-sama mengikuti Naratif Naib Canselor ini, baik di dewan dan di PTJ masing-masing. Saya sangat menghargai komitmen tinggi yang diberikan sebagai tindak susul untuk menggalas amanah untuk memacu kecemerlangan UPM secara bersama.

Semoga Allah sentiasa memberkati dan merahmati atas segala usaha yang kita lakukan dan Allah menghitungnya sebagai amal kebajikan. Insya-Allah. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.*



Jawatankuasa
Naratif Naib Canselor 2023

PENGERUSI

YBhg. Prof. Dato' Dr. Muati@Zamri Ahmad
Pengarah
Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat (PSPK)

TIMBALAN PENERUSI

Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain
Timbalan Pengarah
Pusat Strategik & Perhubungan Korporat (PSPK)

SETIAUSAHA

Encik Sharudin Sahrani
Ketua Bahagian
Pejabat Naib Canselor

AHLI JK EDITORIAL

YBhg. Prof. Dato' Dr. Muati@Zamri Ahmad
Pengarah
Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat (PSPK)

Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain
Timbalan Pengarah
Pusat Strategik & Perhubungan Korporat (PSPK)

Prof. Madya Dr. Arbaie Sujud
Pengarah
Pusat Alumni

Puan Noorizai Mohd Nor
Ketua Pentadbiran
Pejabat Naib Canselor

AHLI JK SIDANG PENGARANG

YBhg. Prof. Dr. Loh Teck Chwen
Dekan
Fakulti Pertanian

YBhg. Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini
Pengarah
UPM Kampus Bintulu

Prof. Madya Dr. Siti Zaharah Hj. Sakimin
Pengarah
Pusat Pertanian Putra (PPP)

Encik Mahbob Yusoff
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Prof. Madya Dr. Dahlia Zawawi
Timbalan Pengarah
Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat (PSPK)

Encik Abdullah Arshad
Ketua Pentadbiran
Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)

Encik Shahrman Hashim
Ketua Pentadbiran
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Dato' Rusdi Wah
Ketua Pentadbiran
Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik

Puan Siti Rozana Supian
Ketua Pentadbiran
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri
dan Masyarakat)

Puan Suhana Md Chairi
Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar

Encik Rizal Razak
Ketua Bahagian Kampus Pintar dan Pendigitalan
Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
(iDEC)

Puan Ts. Nor Azlina Zainal Abidin
Ketua Bahagian Pentadbiran
Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
(iDEC)

Encik Yusry Hashim
Timbalan Bendahari Kanan
Pejabat Bursar

Encik Bukryman Sabri
Felo Bersekutu PNC

AHLI JK KONSEP DAN REKABENTUK

YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Hameed
Pengarah
Pusat Penerbit

Encik Arafat Mashuri Awang
Pegawai Seni Reka Kanan
Pusat Penerbit UPM

Puan Jamak Aton Habi Mahmood
Penolong Pegawai Seni Reka

Encik Muhammad Solehin Hassan
Pereka

Dianna Watty Ibrahim
Penolong Pegawai Tadbir

AHLI JK KOLESKI FOTOGRAFI

Puan Marina Ismail
Jurufoto
Pejabat Strategik & Perhubungan Korporat

SEKRETARIAT

Encik Muhammad Nazry Hisham
Pen. Pendaftar Kanan/Pegawai Khas
Pejabat Naib Canselor
Puan Sarina Mad Suri
Pembantu Tadbir
Pejabat Naib Canselor
Cik Fara Alia Fauzi
Pegawai Eksekutif 4
Pejabat Naib Canselor





 UniPutraMalaysia  @uputramalaysia  uniputramalaysia  Putra TV  uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my